

Final Piala Cabaran

Zanidpour yakin UKM masih ada peluang

Kuala Lumpur: Pemain import UKM FC dari Iran, Milad Zanidpour menegaskan mereka masih selagi tidak berputus asa selepas tewas 0-1 pada aksi pertama Final Piala Cabaran di tangan Johor Darul Ta'zim II (JDT II) pada minggu lalu.

Jelasnya, kekalahan itu tidak mematahkan semangat pemainkannya memulakan peluang menang terbuka untuk mereka mendauri gelaran pertama.

"Saya rasa berbeza dengan perlawanan sebelum ini, kerana dua pemain mempunyai peluang yang cerah. Barisan pertahanan UKM FC beraksi dengan baik walaupun melepaskan satu gol kerana kami berjaya menyekat JDT II daripada mencipta banyak peluang.

"Apa yang kami perlu lakukan adalah kekal bersemangat dan berusaha keras dalam perlawanan itu nanti," katanya.

Sebagai rekod, UKM FC mencatat sejarah apabila berjaya melangkah ke perlawanan akhir buat kali kedua berturut-turut namun mereka tumbang 4-2 di tangan Terengganu FC II (TFC II) pada edisi lalu.

Dalam pada itu, Zanidpour berkata persembahan meyakinkan yang diperagakan barisan pemain skuad Harimau Malaya di pentas antarabangsa secara tidak langsung dibantu oleh mutu saingan Liga Malaysia yang semakin meningkat.

Beliau mengakui perkara itu selepas menyaksikan skuad bimbingan Tan Cheng Hoe beraksi cemerlang pada pusingan kelayakan Piala Dunia 2022/ Piala Asia 2023 apabila menewaskan Indonesia 3-2 sebelum tewas 2-1 di tangan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

"Saya rasa sekarang kualiti bola sepak di Malaysia semakin meningkat. Saya pernah melihat perlawanan skuad kebangsaan sebelum ini. Sekarang Malaysia mempunyai pemain yang lebih baik dengan teknik dan taktik yang semakin meningkat malah saya dapat lihat rakyat Malaysia amat gemar bola sepak.

"Saya rasa tidak mustahil pasukan bola sepak Malaysia akan menduduki tangga teratas di Asia suatu hari nanti," katanya.



Apa yang kami perlu

lakukan adalah kekal bersemangat dan berusaha keras dalam perlawanan itu nanti.

**Milad Zanidpour,
Pemain import UKM FC**